

TR 9:10:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN PENUBUHAN LEMBAGA PER-
PADUAN NEGARA DI PEJABAT PERDANA
MENTERI, KUALA LUMPUR PADA 28HB
OKTOBER, 1974

Yang Berbahagia Tun V. T. Sambanthan, Ahli-ahli Lembaga Perpaduan Negara, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya amat sukacita kerana pada pagi ini kita dapat bersama-sama hadir di upacara melancarkan penubuhan Lembaga Perpaduan Negara atau National Unity Board.

Saya suka pertama sekali mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada ahli-ahli Lembaga ini yang telah bersetuju menerima jemputan saya untuk berkhidmat dalam Lembaga ini. Saya mengetahui dan saya percaya mereka juga mengetahui iaitu tugas yang diberi kepada Lembaga ini amatlah berat tetapi amatlah penting dan mustahak bagi keamanan, ketenteraman dan kemajuan negara kita yang dikasihi. Tak dapat tiada pekerjaan Lembaga ini akan mengambil banyak masa mereka yang berharga tetapi mereka bolehlah berbangga atau "take comfort of the fact that the example they set in their readiness to serve the cause of our national unity and the cause of our country and our people will inspire others to do the same".

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pada masa yang lampau, kita telah mempunyai satu Kementerian Perpaduan Negara. Sekarang kita telah menukarkan Kementerian itu kepada satu Lembaga—Lembaga Perpaduan Negara. Langkah yang saya ambil itu bukanlah bermakna saya atau Kerajaan menisfatkan usaha-usaha dalam lapangan perpaduan ini lebih rendah atau kurang mustahak daripada masa yang lampau akan tetapi saya berpendapat setelah berunding dengan panjang lebar dengan Tun Sambanthan iaitu lebih sesuai diadakan sebuah Lembaga supaya kita dapat memilih ahli-ahli daripada orang-orang yang tidak terlibat dalam perjuangan politik. Adalah difikirkan Lembaga ini boleh menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan dan sempurna jika Lembaga ini dipisahkan daripada politik. Kita semua tahu bahawa perasaan perkauman masih lagi menjadi bahan politik

sebagaimana terbukti dalam pilihanraya umum yang baru lalu. Oleh itu eloklah usaha-usaha memupuk perasaan perpaduan dan usaha-usaha menyatu-padukan rakyat daripada berbilang bangsa di negara kita dipisahkan daripada politik dan dijalankan oleh mereka-mereka yang tidak mengambil bahagian yang cergas dalam politik yang boleh menumpukan perhatian kepada masalah yang penting ini dengan cara objektif daripada kacamata yang adil dan saksama.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kerajaan yang saya pimpin pada had ini dan juga Parti Barisan Nasional yang saya ketuai adalah bersungguh-sungguh (committed) kepada dasar membawa perpaduan di kalangan rakyat daripada berbilang bangsa. Saya dan rakan-rakan saya sedar dan insaf iaitu hanyalah dengan adanya perpaduan di kalangan rakyat di negara kita dapat kita bukan saja mengekalkan keamanan bahkan membina asas yang kukuh bagi kemajuan yang di cita-citakan oleh rakyat sekalian.

Dari segi politik, langkah-langkah telah diambil untuk mengadakan kerjasama antara parti-parti yang dulunya menentang Kerajaan dan dengan kerjasama itu kita telah dapat menubuhkan satu parti yang lebih besar dan yang mewakili lebih ramai lagi rakyat negara kita daripada berbilang bangsa iaitu Barisan Nasional. Pada masa Barisan Nasional mula-mula di tubuhkan, saya telah meneka iaitu Barisan Nasional mendapat sokongan lebih daripada 80% rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara dan inginkan kepada keamanan dan perpaduan. Tekaan saya itu telah disahkan dalam pilihanraya yang lalu dimana lebih daripada 80% calon-calon Barisan Nasional baik di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri telah mendapat sokongan daripada rakyat. Oleh itu, dari segi politik kita telah membina satu asas perpaduan yang saya harap akan dapat menimbulkan keinsafan dan persefahaman atau "political conciousness in this country which transcend above racial or communal barriers".

Begitu juga kita sedang melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang menjadi asas ekonomi dan kita mengamalkan Rukunegara yang menjadi asas sosial bagi kita menyatupadukan rakyat daripada semua bangsa dan mewujudkan masyarakat yang sebenar-benarnya bercorak nasional.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pada masa yang lampau, seperti saya telah terangkan, kita telah mengambil beberapa langkah-langkah untuk menguatkan perpaduan dan mengurangkan perselisihan dan perpecahan di kalangan masyarakat di negara kita. Kementerian Perpaduan Negara dalam masa dua setengah tahun telah dapat menjalankan beberapa langkah yang telah memberi kesan yang memuaskan akan tetapi kita semua faham dan mengetahui bahawa usaha-usaha kita menyatupadukan rakyat daripada berbilang kaum yang mempunyai asal keturunan yang berlainan atau "of different ethnic groups" tak dapat tidak mengambil masa yang agak panjang dan mustahaklah usaha-usaha ini dijalankan dengan cara berperingkat-peringkat sehingga kita mencapai cita-cita kita yang muktamad.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dasar pelajaran kita yang bercorak nasional dan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang lebih luas adalah dua faktor yang telah dapat mengadakan perhubungan di kalangan rakyat di negara kita dan menimbulkan perasaan persefahaman yang lebih erat akan tetapi kita masih dapati dalam masyarakat kita rakyat daripada berbagai kaum duduk berasingan atau "in compartments" dan ini mestilah diatasi. Begitu juga dalam lapangan perusahaan dan pekerjaan, kita masih dapati perusahaan dan pekerjaan adalah terbahagi kepada kaum-kaum yang berlainan. Usaha-usaha kita hendak menyusun semula masyarakat telah berjalan dengan jaya dan lancar dan saya percaya landasan iktisad yang kita bina melalui Dasar Ekonomi Baru akan dapat mengatasi masalah-masalah yang disebutkan itu. Begitu juga Dasar Pelajaran Kebangsaan kita akan dapat menjaminkan iaitu muda mudi anak-anak kita yang masih di bangku sekolah akan menjadi warga negara yang benar-benar bersemangat dan berperasaan Malaysia dan menumpukan taat setia yang sepenuhnya kepada negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya harap Lembaga ini akan dapat membincangkan masalah perpaduan ini dengan cara terus terang dan secara objektif supaya daripada perbincangan itu akan dapat timbul idea-idea baru dan dengan itu dapatlah kita jalankan langkah-langkah yang difikirkan perlu bagi menghapuskan perasaan perkauman dan mengelakkan daripada timbulnya konflik dan konfrantasi antara satu kaum

dengan kaum yang lain. Kita semua masih lagi ingat akan peristiwa yang mendukacitakan kita iaitu Trajedi 13 Mei dan peristiwa inilah yang memberi kesedaran kepada kita untuk bersungguh-sungguh berusaha bagi menguatkan perpaduan dan muhibbah di kalangan rakyat supaya bukan saja peristiwa yang tidak diingini itu tidak berulang lagi bahkan kita dapat menubuhkan satu masyarakat yang bersatu padu di negara kita di mana rakyat daripada semua bangsa akan mensifatkan diri mereka itu sebagai warga negara Malaysia dan bukan sebagai puak atau kaum yang berlainan. Begitu juga dengan Dasar Ekonomi Baru, masyarakat yang kita akan bentuk itu ialah masyarakat yang adil di mana kekayaan negara dapat dinikmati oleh semua pihak dengan cara yang lebih adil dan saksama.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya suka menegaskan di sini iaitu apa jua langkah dan usaha yang praktikal dan munasabah untuk mencapai objektif yang saya sebutkan tadi akan diberi sokongan yang penuh oleh Kerajaan dan saya sendiri dan kita akan menjalankannya seberapa yang boleh supaya cita-cita dan hasrat kita akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan jaya.

Akhirnya, saya suka mengucapkan selamat berjaya dalam menjalankan tugas yang berat dan penting sebagai Ahli Lembaga Perpaduan Negara ini, mudah-mudahan cita-cita kita hendak membina satu negara yang maju dan bersatu padu dan makmur akan dapat dilaksanakan dalam masa hayat hidup kita semua supaya dengan itu Malaysia yang kita kasihi ini akan terns maju dan jaya bagi selama-lamanya.

Sekian saja, terimakasih.